

**Sokongan Rakyat Terhadap Barisan Nasional Semakin Meningkat  
Bernama  
26 Disember, 2012  
Oleh S. Kisho Kumari**

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Dengan memilih slogan 'Menepati Janji' sebagai agenda utama, keprihatinan Barisan Nasional (BN) akhirnya menyentuh hati ramai rakyat Malaysia tanpa mengira umur, jantina, agama dan taraf hidup melalui usaha berterusan demi kebaikan semua.

Dengan mengutamakan kebajikan rakyat, tiada siapa yang ketinggalan termasuk pelajar, wanita, warga emas, usahawan, penjawat awam dan belia di bawah kerajaan BN.

Pada awal 2012, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, yang juga Pengerusi BN, yang merasai kesusahan masyarakat nelayan telah menyalurkan bantuan antara RM5,000 dan RM10,000 kepada nelayan di seluruh negara bagi membaiki rumah mereka.

Bantuan itu adalah sebahagian daripada Tabung Khas Perumahan Nelayan bernilai RM300 juta, yang diumumkan beliau ketika membentangkan Belanjawan 2012 di Dewan Rakyat, tahun lepas.

Bagi mengurangkan beban rakyat, kerajaan terus menerus membantu rakyat melalui program-program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1M), Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), Kedai Kain Rakyat 1Malaysia, Kedai Buku 1Malaysia, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA 1Malaysia), Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) dan Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M).

Hasilnya, keikhlasan BN bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat, angin perubahan mula bertiup ke arah BN termasuk di negeri-negeri yang diperintah pakatan pembangkang.

Laporan terbaharu menunjukkan kira-kira 400 anggota tegar PAS di kawasan Dewan Undangan Negeri Semerak di Kelantan menyertai Umno, selepas merasai mereka terpedaya dengan "Amanat Haji Hadi", yang mengkafirkan anggota dan penyokong Umno.

Malah, majoriti lebih 30,000 guru di negeri itu kini menyokong Umno, satu petanda baik bahawa BN mampu merampas semula Kelantan daripada pembangkang.

Timbalan Ketua Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata mereka bersedia bekerja keras bagi memastikan BN kembali memegang kuasa selepas pilihan raya memandangkan kerajaan persekutuan pada masa ini memberi perhatian untuk memenuhi janji yang telah dibuat.

Di Pulau Pinang, ribuan penyokong tegar pembangkang menunjukkan minat mereka menyertai BN selepas hilang keyakinan terhadap kepimpinan DAP.

Perkara ini telah menjadi kenyataan apabila hampir 350 bekas anggota Parti Keadilan Rakyat (PKR) Bayan Baru, Bukit Gelugor dan Jelutong mengemukakan surat permohonan untuk menyertai semula Umno kepada Najib pada 8 Dis.

Sambil menyifatkan Pulau Pinang sebagai kubu kuat Gerakan selama 40 tahun sebelum kalah kepada DAP pada pilihan raya umum 2008, Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata parti itu memutuskan akan melakukan apa yang terbaik bagi rakyat Pulau Pinang dan meminta pengundi memberikan peluang kepada parti itu pada pilihan raya umum ke-13 untuk

berkhidmat kepada mereka.

Begitu dekat di hati dan fikiran mereka, Gerakan dan rakyat Malaysia bersedih dengan kematian bekas Presiden Tun Dr Lim Keng Yaik, 73, seorang daripada gergasi politik dan menteri berketurunan Cina paling lama berkhidmat di Malaysia, Sabtu lepas.

Petanda positif juga kelihatan di Kedah dan Selangor melalui kaji selidik yang dijalankan beberapa ahli akademik pada pertengahan tahun.

Prof Madya Dr Rohana Yusof dari Universiti Utara Malaysia (UUM) berkata kaji selidik baru-baru ini menunjukkan 70 peratus daripada 10,800 responden di Kedah tidak yakin dengan kepimpinan ketua pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut laporan kaji selidik itu, kerajaan PAS di Kedah pada masa ini nampaknya semakin hilang populariti untuk terus memerintah negeri itu dan oleh itu kerajaan BN merupakan pilihan terbaik bagi pembangunan Kedah dan negara pada keseluruhannya.

Di Selangor, satu kajian simulasi berdasarkan kepada pilihan raya umum ke-11 dan ke-12 dan dengan profil pengundi berdaftar terkini menunjukkan bahawa BN boleh memenangi 40 kerusi Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya umum akan datang.

Dengan mengambilkira senario-senario ini, hasil pilihan raya umum ke-13 mungkin membawa keputusan yang tidak menyebelahi pakatan pembangkang PKR-DAP-PAS bagi mengekalkan negeri-negeri yang diperintah terutama Selangor dengan peluang 50-50.

Dengan menilai sokongan yang diberikan oleh semua etnik penduduk, masyarakat India adalah golongan paling besar beralih angin pada pilihan raya umum lepas tetapi akhirnya menarik sokongan mereka kepada pembangkang selepas tertipu dengan pelbagai janji kosong.

Satu trend ketara melanda melalui pilihan raya umum 2008 apabila hampir 85 peratus pengundi India beralih kepada pakatan pembangkang, hasil isu-isu yang dimainkan oleh Barisan Bertindak Hak-hak Hindu (Hindraf).

Selepas itu, sokongan masyarakat India terhadap BN meningkat kepada lebih 70 peratus berikutan bantuan kerajaan berjumlah RM415 juta yang diperuntukkan bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Bantuan itu diagih-agihkan melalui Amanah Ikhtiar Malaysia atau AIM (RM100 juta), Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Malaysia atau Tekun (RM65 juta) dan RM250 juta diperuntukkan kepada usahawan.

Semasa Perhimpunan Agung Tahunan MIC ke-66 pada 9 Dis, Presiden parti itu Datuk Seri G. Palanivel berkata sokongan masyarakat itu kepada kerajaan BN semakin bertambah selepas mereka menerima pelbagai faedah terutama dalam pendidikan, program pembangunan perkhidmatan awam, program ekonomi dan sosial hasil inisiatif Najib.

Sementara itu, Timbalan Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai juga melahirkan keyakinannya bahawa MCA, yang mendapat pukulan teruk pada pilihan raya umum 2008, akan bangkit kembali pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya sokongan masyarakat Cina terhadap kerajaan semakin meningkat berbanding tahun 2008 dengan pelbagai bentuk bantuan melalui Yayasan Perubatan 1MCA, peruntukan bagi

pendidikan dan keusahawanan.

Di Sabah, Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman percaya negeri itu telah berkembang sebagai sebuah negeri yang progresif, makmur, aman dan stabil di bawah pendekatan yang diambil BN.

Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja berhubung pemberian kerakyatan kepada pendatang asing, penduduk tempatan bagi menerajui jabatan persekutuan di negeri itu dan pengiktirafan 16 Sept sebagai Hari Malaysia membuktikan bahawa BN sentiasa mendengar, prihatin dan bekerja bagi memenuhi permintaan rakyat.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=917542>